

19 AUG 1999

Li-Mahathir

CHINA PUJI KEBERANIAN MAHATHIR

Oleh: Ali Mamat

BEIJING, 19 Ogos (Bernama) -- China hari ini memuji keberanian Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan kerajaan Malaysia serta rakyatnya kerana keazaman memilih jalan sendiri dalam menghadapi tekanan kuasa politik.

Naib Perdana Menteri China Li Lanqing berkata dalam banyak isu-isu antarabangsa, Dr Mahathir dan kerajaan Malaysia menegakkan keadilan dan kerap bersuara bagi kepentingan negara-negara membangun.

"Malaysia telah berjaya mewujudkan kestabilan sosial, keharmonian kaum dan pembangunan ekonomi di bawah kepimpinan Dr Mahathir," kata Li dalam ucapannya pada Forum Malaysia-China ketiga di sini. Dr Mahathir telah menyampaikan ucap utama pada forum itu.

Li berkata China bangga bahawa selepas lebih dari dua tahun usaha bersungguh-sungguh, Malaysia kini berada di landasan pemulihan ekonomi.

"Kami yakin bahawa di bawah kepimpinan Dr Mahathir dan dengan infrastruktur yang kukuh, kaya dengan sumber asli dan rakyat yang rajin, Malaysia mampu menyaksikan ekonominya cergas semula selepas pengubahsuaian," katanya.

Li turut bercakap mengenai kerjasama Sino-Malaysia.

Menurutnya kerjasama dalam bidang pelaburan, kewangan, sains, teknologi dan industri teknologi maklumat sedang berkembang dan mempunyai prospek yang luas.

Mengenai isu dalaman, naib perdana menteri itu berkata pada keseluruhannya ekonomi China berjaya mengekalkan suasana pertumbuhan yang baik tahun ini.

Keluaran Dalam Negara Kasarnya tumbuh 7.6 peratus bagi tempoh enam bulan pertama tahun ini dari tempoh yang sama tahun lepas.

-- BERNAMA

AM LAT MAI